



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

JCORP KENAL PASTI PELABURAN RM1.7 BILION KE PIP

KOTA TINGGI, 20 JUN 2020: Johor Corporation (JCorp) telah mengenal pasti pelaburan sehingga RM17.4 bilion berpotensi dibawa masuk ke Taman Perindustrian Pengerang (PIP) yang akan menjadi hab pemprosesan produk hiliran berasaskan minyak dan gas (O&G) utama rantau ini.

Dalam taklimat pembangunan PIP kepada Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, JCorp memaklumkan pelaburan itu antara lain melibatkan operasi kompleks aromatik, loji petrokimia serta perkhidmatan sokongan berkaitan perindustrian O&G.

Antara produk yang akan dihasilkan ialah bahan mentah dalam bentuk cecair dan pellet untuk pengilang pelbagai barangan plastik bagi keperluan industri seperti beg plastik industri, komponen kereta, cat, cecair penyejuk enjin dan gentian sintatik.

Produk pengguna pula antaranya ialah sabun, tayar, salur paip, peralatan perlindungan peribadi (PPE), sarung tangan, bola golf serta bahan pencuci.

JCorp menganggarkan nilai pembangunan kasar (GDV) projek PIP menerusi empat fasa pembangunannya itu ialah RM1.27 bilion.

Turut hadir pada sesi taklimat itu ialah Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp, Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim; serta delegasi Ahli Jawatankuasa Pelaksana Projek-Projek Kerajaan Persekutuan (FPSC) di Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) serta pegawai kanan Kerajaan Negeri.

Taklimat disampaikan oleh Pengarah Urusan TPM Technopark Sdn Bhd (TPM), Encik Mohamad Salleh Mohamad Yusof. TP adalah anak syarikat JCorp yang diberi peranan melaksanakan pembangunan kawasan perindustrian di Johor dan membawa pelabur ke situ.

Dalam ucapan alu-aluannya, Datuk Syed Mohamed berkata, industri di PIP yang dijadualkan beroperasi sepenuhnya pada 2023, dijangka mewujudkan ribuan peluang pekerjaan separuh mahir mahupun pekerja sokongan.

"Sejak 1972, JCorp terus berusaha mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat menerusi 34 taman perindustrian yang dibangunkan setakat ini," katanya.

Beliau berkata, JCorp selaku agen pembangunan dan pelaburan sentiasa seiring dengan aspirasi kerajaan untuk menjadikan zon Timur Johor sebagai hab industri O&G utama di rantau ini.

Dengan memiliki kelebihan yang strategik, JCorp yakin PIP dan RAPID mampu dipertingkatkan dan diperkukuhkan sebagai destinasi pelaburan serta hab industri O&G menerusi kerjasama berterusan kerajaan negeri dan Persekutuan dengan pihak berkepentingan dalam projek mega.

"Ia sewajarnya menjadi ikon global yang akan jadi kebanggaan negara," katanya.

Datuk Syed Mohamed turut memohon sokongan dan kerjasama Kerajaan Persekutuan menerusi kementerian serta agensinya termasuk di peringkat negeri dengan matlamat semua pembangunan untuk manfaat rakyat dilaksanakan dengan sempurna.

Setakat ini, kemajuan kerja-kerja penyediaan platform bagi pembangunan projek PIP di tapak seluas 790 ekar itu telah mencapai 77 peratus.

Industri di PIP pula dijangka memerlukan 2,330 tenaga kerja iaitu 700 pekerja separuh mahir manakala bakinya pekerja sokongan selain merangsang permintaan kira-kira 1,200 unit rumah dan apartmen serta 300 bilik asrama pekerja.

-Tamat-

Dikeluarkan oleh: Johor Corporation Keterangan lanjut sila hubungi: Jabatan Komunikasi Strategik. Tel: 07-219 2692.
